

Had akaun media sosial bendung lahir remaja pincang

Kerajaan boleh bertindak melindungi pengguna muda dalam talian yang masih belum matang

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Peribahasa 'sayangkan anak ditangan-tangankan' mungkin ungkapan paling sesuai untuk ibu bapa berada dalam dilema ketika ini antara memenuhi keperluan zaman selari kehendak anak generasi sekarang yang 'lahir-lahir saja sudah main gajet'.

Tanpa sedar, ibu bapa turut menjadikan gajet sebagai pengganti diri mereka, hingga ada anak kecil lebih intim dan selesa berdamping dengan telefon pintar, bermain dengan pelbagai aplikasi dan permainan serta media sosial yang dianggap teman dan mampu memberikan pengalaman baharu dalam kehidupan.

Perangkap gajet hari ini, khususnya kewujudan pelbagai media sosial menjadikan ruang interaksi anak-anak yang dahulunya terhad secara bersemuka, kini menjadi lebih terbuka, meluas dan tanpa sempadan, sekali gus mengundang ancaman dan cabaran baharu memandu mereka meniti suratan hidup.

Tanpa menafikan kebaikan media sosial, sisi negatif turut terserlah apabila ada kanak-kanak bawah umur terjerumus ke dalam aktiviti dalam talian bertentangan syariat Islam, seperti temu janji dalam talian, bangga berkongsi hantaran atau foto aib mendedah aurat dan menganggap ia ruang ekspresi diri tanpa batasan.

Ironinya, Australia pada Rabu lalu menguatkuasakan larangan penggunaan media sosial untuk individu bawah 16 tahun, yang juga langkah pertama seumpamanya di dunia menunjukkan negara berkenaan melihat betapa kebejatan nilai moral dalam kalangan anak-anak hari ini perlu diatasi segera.

Melalui larangan sedemikian, kerajaan boleh bertindak melindungi pengguna muda dalam talian yang masih belum matang dan mengelak mereka menjadi sasaran mudah aktiviti pedofilia dan amang seksual secara tersembunyi.

Dalam konteks Islam, isu penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak perlu dilihat secara terperinci, melalui kerangka maqasid syariah yang lebih meluas.

Ibu bapa boleh 'tepek dada' dan tanya pada diri sendiri sejauh mana maqasid syariah, bermaksud tujuan atau matlamat utama pensyariaan hukum Islam ditetapkan Allah SWT dipenuhi.

Ini meliputi pemeliharaan agama, akal, maruah diri dan keturunan yang tidak sepatutnya diperjudikan hanya kerana terbuai dek platform serta trend media sosial semasa dengan ada masanya tidak selari hukum Islam.

Sebagaimana firman Allah SWT



bermaksud: *"Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian dan di sisi Allah juga pahala yang besar"*. (Surah at-Taghabun, ayat 15)

Ayat ini menuntut ibu bapa untuk melakukan refleksi diri, apakah sudah cukup usaha dilakukan untuk mendidik anak selari ajaran Islam dan panduan al-Quran, atau kita menjadi punca kepada kecanduan gajet dalam kalangan anak-anak.

Jika masa anak melekat dengan skrin telefon pintar lebih panjang, hingga lalai mengurus diri, masa, solat dan bersosial, ini sepatutnya dianggap isyarat penting untuk langkah intervensi atau pemulihan dijalankan.

Disambut baik masyarakat

Khabar gembira mengenai langkah kawalan lebih ketat bagi penggunaan dan penyedia media sosial di negara ini nampaknya disambut baik masyarakat, susulan kerajaan dalam proses mengawal selia platform dalam talian bagi menyekat pengguna bawah usia 16 tahun daripada mengakses kandungan bersesuaian tahap umur mereka.

Ketua Sektretariat Muslimat, Persatuan Ulama Malaysia, Asmak Husin, melihat ketegasan kerajaan dalam melindungi kanak-kanak selari dengan tuntutan dan prinsip Islam.

Katanya, pemerintah wajar mengambil langkah kawalan ketat ke atas akses dunia maya tanpa sempadan yang berpotensi menjadi punca keruntuhan akhlak, jati diri Muslim dan memberi impak tidak

baik kepada kehidupan anak-anak.

Jelasnya, senario semasa yang mana tidak semua ibu bapa celik IT dan tahu mengurus, memantau dan menetapkan tetapan selamat bagi penggunaan media sosial boleh menatijahkan anak ke kancang tidak diingini.

"Penguatkuasaan larangan kandungan tertentu untuk diakses kanak-kanak berusia 16 tahun ke bawah amat perlu kerana ada ibu bapa hanya beri gajet tapi tidak tahu pun bagaimana mengawal penggunaannya.

"Jika anak ini, jati diri agama mereka tidak kuat, maka dengan mudah kandungan tidak sesuai misalnya dengan ajaran Islam dan norma budaya Barat meresap masuk dalam pemikiran serta nurani mereka.

"Berapa ramai ibu bapa ada kesadaran misalnya membeli telefon pintar yang memori gig rendah

▲ Jika masa anak melekat dengan skrin telefon pintar lebih panjang, hingga lalai mengurus diri, masa, solat dan bersosial, ini sepatutnya dianggap isyarat penting untuk langkah intervensi atau pemulihan dijalankan. (Foto hiasan)

supaya anak-anak tidak dapat memuat naik seberapa banyak aplikasi media sosial yang tidak ditapis kandungannya.

"Usaha kerajaan sangat positif dan jika boleh ia dibuat selari dengan undang-undang, pemerkasaan pendidikan, pencegahan dan memperkukuh jati diri agama dalam diri anak sejak kecil," katanya.

Langkah positif ini wajar disambut ibu bapa sebagai satu jihad untuk memastikan anak-anak terus terpelihara daripada pelbagai cabaran maya makin mengkusarkan.

Semuanya mesti bermula di rumah. Pokok pangkalnya, ibu bapa yang perlu hulurkan tangan, sedia memikul amanah memastikan anak-anak membesar bukan sahaja sihat fizikal tetapi rohani serta mental, tidak dicemari unsur negatif yang kini boleh dicapai hanya dengan satu klik.

Sebagaimana pesanan Imam Ghazali, pendidikan anak adalah gabungan nilai agama, akhlak dan ilmu, disampaikan melalui teladan, kesabaran dan pemahaman terhadap fitrah kanak-kanak, dengan ibu bapa menjadi guru pertama dan utama.

Jika guru 'pertama' gagal memainkan peranannya, bagaimana mungkin masa depan anak-anak akan terbela dan dilindungi syariat.

Sebagaimana hadir riwayat At-Tabbarani daripada Ali bin Abi Talib, Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Didiklah anak kamu pada tiga bimbingan utama. Yang pertama, didiklah dia supaya mencintai nabi kamu. Yang kedua didik mereka mencintai keluarga Rasulullah dan ketiga, didiklah anak kamu dengan al-Quran".

“Jika anak ini, jati diri agama mereka tidak kuat, maka dengan mudah kandungan tidak sesuai misalnya dengan ajaran Islam dan norma budaya Barat meresap masuk dalam pemikiran serta nurani mereka”

Asmak Husin

